

**KERTAS CADANGAN**  
**PROGRAM MENAIKTARAF PRASARANA BILIK GURU DAN KELAS SMK TEMERLOH JAYA**  
**2022**

Puan Pengetua,  
SMK Temerloh Jaya, Temerloh Pahang.

**PROGRAM MENAIKTARAF PRASARANA BILIK GURU DAN KELAS SMK TEMERLOH JAYA 2022**

---

**2. PENGENALAN / LATAR BELAKANG PROGRAM**

SMK Temerloh Jaya merupakan sebuah sekolah Gred B dan dikategorikan sebagai sekolah bandar. SMK Temerloh Jaya mempunyai sejumlah 626 orang pelajar dan 80 orang tenaga pengajar dan bercadang untuk menaiktaraf kemudahan prasarana bilik guru dan kemudahan fizikal kelas bagi pelajar. Bilik guru SMK Temerloh Jaya adalah bilik yang digunakan oleh guru-guru untuk merancang aktiviti pengajaran dan pembelajaran serta melaksanakan tugas-tugas perguruan. Ianya merupakan bilik utama di mana penggunaannya adalah maksimum dan sangat penting.

**3. RASIONAL**

Tujuan menaiktaraf keperluan fizikal bilik guru dan kelas adalah untuk menyediakan keperluan yang lengkap dan selesa kepada semua guru dan pelajar. Keadaan prasarana fizikal di bilik guru seperti kerusi dan meja guru adalah kurang memuaskan kerana telah usang dan juga terdapat kerosakan pada kerusi dan meja. Contohnya, meja berlubang tiada laci meja, kerusi dan meja bergoyang serta roda kerusi yang sudah rosak.

Disamping itu, penghawa dingin yang terdapat dalam bilik guru juga tidak berfungsi dengan baik, kerana tidak diselenggara mengikut waktu yang ditetapkan. Hal ni disebabkan oleh kos penyelenggaraan yang agak tinggi. Selain itu, kerusi plastik pelajar juga sering rosak dan patah. Ini menyebabkan kerusi plastik pelajar sering kali tidak mencukupi dan perlu diganti. Oleh yang demikian, penambahbaikan prasarana bilik guru dan kelas ini sangat penting bagi sekolah ini kerana, ia akan membantu memberikan semangat kepada guru-guru dan pelajar untuk melaksanakan tanggungjawab masing-masing dalam persekitaran yang selesa dan kondusif.

#### 4. OBJEKTIF PROGRAM

- 4.1 Menyediakan kemudahan infrastruktur yang baik dan selesa untuk kegunaan guru.
- 4.2 Menaiktaraf bilik guru sedia ada kepada tempat yang lebih kondusif agar guru-guru dapat menjalankan pekerjaan masing-masing dengan lebih efektif.
- 4.3 Meningkatkan motivasi guru-guru agar bekerja dalam keadaan yang lebih seronok dengan adanya infrastruktur yang selesa.
- 4.4 Menyediakan kelengkapan infrastruktur yang terbaik bagi keselesaan guru dan pelajar.

#### 5. KUMPULAN SASAR

- 5.1 80 orang guru.
- 5.2 622 orang pelajar.

#### 6. BUTIRAN PELAKSANAAN PROGRAM

| BIL | PERKARA                         | KUANTITI                                      | MASALAH / CADANGAN PENYELESAIAN  | ANGGARAN         |
|-----|---------------------------------|---|--|------------------|
| 1.  | Penyelenggaraan penghawa dingin | Sedia ada :8 buah<br>Diperlukan : -           | Penghawa dingin tidak berfungsi dengan baik<br><br>Cadangan: Menyelenggara penghawa dingin                                     | RM 2 800         |
| 2.  | Meja guru                       | Sedia ada :42 buah<br>Diperlukan :38 buah     | Meja guru rosak ,bergoyang dan reput serta tidak mempunyai laci<br><br>Cadangan: Membeli dan menggantikan meja guru yang rosak | RM 13 300        |
| 3.  | Kerusi guru                     | Sedia ada :42 buah<br>Diperlukan :38 buah     | Kerusi guru rosak<br><br>Cadangan : Menggantikan kerusi yang rosak   | RM 9 500         |
| 4.  | Kerusi plastik (pelajar)        | Sedia ada : 300 buah<br>Diperlukan : 322 buah | Kerusi murid tidak mencukupi<br><br>Cadangan : Membeli kerusi plastik murid  | RM 8 694         |
|     |                                 |   | <b>JUMLAH</b>  | <b>RM 34 294</b> |

## 7. JAWATANKUASA KERJA

|                      |  |
|----------------------|--|
| Penaung (pengetua)   | Puan Hajah Aniza binti Baharuddin  |
| Pengerusi Kelab Guru | En. Abdul Rahman bin Abd Kudus   |
| Timbalan Pengerusi   | En. Azril bin Othman   |
| Setiausaha           | Pn. Siti Nur Salwani binti Ramli   |
| Penolong Setiausaha  | Pn. Nur Dayana Fatihah binti Md Daud   |
| Bendahari            | Pn. Normala binti Ramli  |
| Penolong bendahari   | Pn. Yusnita binti Ismail   |
| Ahli Jawatankuasa    | <ol style="list-style-type: none"><li>1. Cik Kavita A/P Manimaran</li><li>2. Pn. Anita Binti Mat Daud</li><li>3. Pn. Naharmida Ellisja binti Hamedan</li><li>4. En.Muzafar bin Mohd Noor</li><li>5. Pn. Aishah binti Ab Talib</li><li>6. Pn.Suhaiza binti Umar</li><li>7. Pn. Siti Aminah binti Sapian</li><li>7. En. Muhammad Syafiq Mustaqim bin Mohamad Asri</li><li>8. Pn. Wan Zahurin binti Wan Mohd Ghazali</li><li>9. Pn. Suziyana binti Abu Jamil</li><li>10. Pn. Noraini binti Umar</li><li>11. Pn. Siti Kamariah binti Othman</li><li>12. En. Syafrein Effendy bin Zulkipli</li><li>13. En. Syamsul Jamedi bin Asri</li><li>14. Cik Zuliany binti Abu Khalid</li><li>15. En. Mohamad Hasrol bin Jaafar</li></ol> |

## 8. IMPLIKASI KEWANGAN

- 8.1 Sumber kewangan –
  - Sumbangan YB. Dato' Sri Haji Mohd. Shakar bin Haji Shamsudin
  - Sumbangan NGO
  - Sumbangan PIBG
  - Derma guru-guru SMKTJ

8.2 Anggaran perbelanjaan keseluruhan secara terperinci

| BIL | ITEM                                | HARGA SEUNIT | KUANTITI      | JUMLAH           |
|-----|-------------------------------------|--------------|---------------|------------------|
| 1.  | Kos penyelenggaraan penghawa dingin | RM350        | 8             | RM 2 800         |
| 2.  | Meja guru                           | RM 350       | 38            | RM 13 300        |
| 3.  | Kerusi guru                         | RM 250       | 38            | RM 9 500         |
| 4.  | Kerusi plastik                      | RM 27        | 322           | RM 8 694         |
|     |                                     |              | <b>JUMLAH</b> | <b>RM 34 294</b> |

9. ULASAN JPN / PPD (sekiranya perlu)

Tiada

10. PENUTUP

|  |  |
|--|--|
| Disediakan oleh :  | Disemak oleh :   |
|  |  |
| <b>(PUAN AISHAH BINTI AB TALIB)</b><br>AJK Keceriaan Kelab Guru,<br>SMK Temerloh Jaya, Temerloh Pahang<br>Tarikh : | <b>(PUAN HAJAH ANIZA BINTI BAHARUDDIN)</b><br>Pengetua,<br>SMK Temerloh Jaya, Temerloh Pahang<br>Tarikh: |

KERTAS CADANGAN PROGRAM MENAIKTARAF PRASARANA BILIK GURU DAN KELAS  
SMK TEMERLOH JAYA  
2022

---

KEPUTUSAN PENGURUS SEKOLAH



Meluluskan Kertas Cadangan Program Menaiktaraf Prasarana Bilik Guru Dan Kelas SMK Temerloh Jaya 2022

atau



Tidak meluluskan Kertas Cadangan Program Menaiktaraf Prasarana Bilik Guru Dan Kelas SMK Temerloh Jaya 2022

Ulasan:

.....  
.....  
.....  
.....

(PUAN HAJAH ANIZA BINTI BAHARUDDIN)

Pengetua,

SMK Temerloh Jaya, Temerloh Pahang.

Tarikh: